

KOSMO! RABU 8 JULAI 2009

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590



New York Light Sweet Crude
AS\$64.39
(RM227.94)



Brent North Sea Crude
AS\$64.44
(RM228.11)

Guna MyKad tanpa tunai EON Bank

Oleh JOHANNA A. SOBREY
johanna.sobreyp@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - EON Bank Bhd. (EON Bank) akan memperkenalkan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai menggunakan MyKad menjelang akhir tahun ini.

Ketua Bahagian Kad dan Pinjaman Kumpulan EON Bank, Aaron Tan berkata, ini merupakan satu usaha bank untuk menjadikan MyKad sebagai alat pembayaran alternatif yang berperanan penting seperti kad kredit dan debit atau mesin juruwang automatik (ATM).

"Ia menawarkan potensi yang luas kepada institusi perbankan seperti EON Bank. Kami merancang untuk memperkenalkan kad tersebut sebagai kaedah pembayaran yang baru menjelang bulan Disember 2009," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis sumbangan bernilai RM50,000 kepada 50 keluarga kurang berkemampuan di Puchong, Selangor melalui program amal MyKasih di Pasar Raya Besar Giant cawangan Bandar Kinrara semalam.

puan di Puchong, Selangor melalui program amal MyKasih di Pasar Raya Besar Giant cawangan Bandar Kinrara semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengurus Yayasan MyKasih, Ngau Boon Keat, Ketua Pegawai Operasi, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Datuk Badlisham Ghazali, Pengarah Pemasaran GCH Retail (M) Sdn. Bhd., Ho Mun Hao dan Pengarah Urusan ePetrol Systems Sdn. Bhd. (ePetrol) Jeff Parera.

Perkhidmatan terbaru itu akan dijayakan bersama dengan ePetrol, sebuah syarikat berstatis MSC yang telah merintis sistem pembayaran menggunakan MyKad untuk pembelian barang seperti petrol.

Menurutnya, melalui perkhidmatan berkenaan, Tanpercaya EON Bank akan menjadi institusi kewangan tempatan pertama yang menggunakan MyKad untuk pembayaran di 11 stesen petrol BHP, Caltex dan Shell di Lembah Klang.

tunai.

Ditanya mengenai sasarannya, beliau menjelaskan, pihaknya masih belum mempunyai jumlah jangkaan pelanggaran tetapi meyakini ia merupakan satu kaedah baru yang akan diterima baik oleh pelanggannya.

"Ini kerana MyKad merupakan cara pembayaran yang selamat dengan penerapan ciri-ciri keselamatan dan mudah digunakan," jelasnya sambil menambah terdapat 600,000 pemegang akaun simpanan dan simpanan tetap EON Bank di negara ini.

Sementara itu, Parera merangkkan penggunaan MyKad sebagai alat pembayaran telah dimulakan secara percubaan sejak 1 September tahun lalu yang melibatkan seramai 200 individu pemegang akaun simpanan biasa dan simpanan tetap EON Bank untuk pembayaran di 11 stesen petrol



BADLISHAM (tengah) bersama Tan, Boon Keat dan peserta penerima program amal MyKasih di Pasar raya Besar Giant, Bandar Kinrara, Kuala Lumpur semalam.